

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**9 OGOS 2019
HOTEL CONCORDE
SHAH ALAM, SELANGOR**

Yang Amat Berhormat Tuan Amirudin bin Shari

Dato' Menteri Besar Selangor

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Yang Berhormat Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen

Ketua Setiausaha, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Pegawai-pejawai Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Persekutuan di Selangor

Tuan-tuan dan puan-puan

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

1. Alhamdulillah saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini saya dan pimpinan tertinggi daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dapat turun ke Negeri Selangor dalam satu wacana yang penting untuk melihat bagaimana kita secara bersama dapat memperkuatkan lagi kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan demi kemakmuran rakyat di negeri Selangor.
2. Hampir keseluruhan yang hadir pada pagi ini, saya mengenali secara dekat khususnya Ketua-Ketua Jabatan dari negeri Selangor.
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada YAB Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor kerana telah menonjolkan kepimpinan yang tinggi melalui penglibatan yang proaktif daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi.
4. Sesi libat urus ini adalah langkah pertama usaha Kerajaan Persekutuan untuk mengumpulkan maklum balas yang membina daripada Kerajaan Negeri dalam proses menggubal

dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang merangkumi tempoh tahun 2021 hingga 2025.

5. Pelan ini selaras dengan dasar yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei 2019 yang lalu di mana YAB Perdana Menteri telah melontarkan satu wawasan pembangunan baru, iaitu Kemakmuran Bersama atau Shared Prosperity sebagai satu iltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara inklusif dan mampan.
6. Tiga objektif utama Gagasan ini adalah:
 - a. Pertama, merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah untuk membela dan memberdaya semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan;
 - b. Kedua, menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat; dan

- c. Ketiga, menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.
- 7. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengenalpasti 15 Bidang Pertumbuhan Utama Ekonomi yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan.
- 8. Di Negeri Selangor, Kerajaan akan berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk memberikan penekanan kepada pembangunan yang berimpak tinggi seperti sektor nilai tinggi seperti sektor ekonomi digital, pembekalan dan perkhidmatan teknologi tinggi, aeroangkasa, automotif serta pertanian pintar untuk memastikan hala tuju pembangunan negara sejajar dengan keperluan negeri.
- 9. Selangor sebagai sebuah negeri yang maju dan telah lama memacu pertumbuhan ekonomi negara. Saya amat bangga dengan usaha gigih seluruh anggota perkhidmatan awam dalam merealisasikan program-program pembangunan dan kebijakan yang peduli rakyat.

10. Selangor merupakan negeri penyumbang tertinggi kepada KDNK nasional dengan nilai sebanyak RM322.6 bilion atau 23.7% daripada KDNK nasional pada tahun 2018. Pendapatan per kapita Selangor turut melangkaui paras nasional sebanyak 15% dengan mencapai paras RM51,528 berbanding dengan RM44,682 di peringkat nasional pada tahun 2018.
11. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri atas pencapaian nilai pelaburan terbaik sejak 30 tahun yang lalu, iaitu RM18.95 bilion bagi tahun 2018. Ini peningkatan sebanyak 239% berbanding dengan tahun 2017 yang nilai pelaburan mencatatkan RM5.59 bilion.
12. Daripada jumlah keseluruhan nilai pelaburan ini, 57.2% atau RM10.84 bilion adalah pelaburan langsung asing (FDI) yang menjana 10,461 peluang pekerjaan daripada 108 projek. Ini membuktikan Selangor mempunyai infrastruktur dan modal insan yang mampu memenuhi keperluan industri.
13. Oleh itu, temu tembung antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri pada pagi ini perlu mengambil kira perkembangan ini supaya satu strategi pembangunan yang

lebih tersasar dapat dicerakinkan dalam penyediaan RMKe-12.

14. Dalam pada kita meraikan kejayaan Negeri Selangor, kita juga tidak lupa peranan penting negeri dalam menjana pertumbuhan di peringkat nasional. Sepertimana yang saya sendiri pernah ulang dan ungkap sebelum ini, "*Selangor is a microcosm of Malaysia*" dan saya yakin kejayaan yang kita lihat di peringkat negeri sebelum ini turut boleh diperluaskan lagi di peringkat persekutuan.
15. Sebagai "*frontier of the economy*", Selangor mesti menggarap segala inovasi dan teknologi baru dalam memacu negeri ke hadapan supaya dapat mencapai hasrat sebagai *Premier Smart State* atau Negeri Pintar Terulung di Asia Tenggara pada tahun 2025.
16. Ini selari dengan komitmen yang telah diberikan oleh YAB Perdana Menteri di mana Kerajaan akan memulakan pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang bermula pada tahun 2019 sehingga 2023 untuk memastikan kesediaan teknologi 5G untuk digunakan secara komersil di negara ini.

17. Sehingga Mei 2019, sebanyak 73,130 port gentian optik (*fibre optic*) telah dipasang di Negeri Selangor. Usaha pemerkasaan infrastruktur digital dilaksanakan di peringkat nasional bawah kerjasama *Public-Private Partnership* antara Kerajaan dengan Telekom Malaysia Berhad yang melibatkan kira-kira RM1.1 bilion di seluruh negara.
18. Kerajaan Persekutuan yakin dapat menyediakan kerangka dasar yang holistik untuk memastikan pembangunan infrastruktur digital negara berlaku dengan terancang.
19. Tambahan pula, penumpuan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan lagi aktiviti ekonomi digital seperti industri digital, infrastruktur digital dan keterangkuman digital memerlukan *re-skilling* dan *up-skilling* tenaga kerja mahir dalam bidang-bidang ini. Kerajaan Persekutuan sedang dalam proses menyediakan Kertas Strategi Pendigitalan Ekonomi bagi membantu penyediaan dokumen dasar RMKe-12.
20. Di bawah RMKe-11, seramai 225,000 orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia disasarkan memasuki aliran TVET pada tahun 2020 dan pada tahun 2018, kita sudah mencapai

jumlah pengambilan pelajar ke institusi pendidikan awam dan swasta seramai 194,754 orang dari seluruh negara.

21. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan pengambilan seramai 28,844 yang melibatkan institusi TVET awam dan swasta seperti politeknik, kolej komuniti, GIATMARA, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara serta pusat bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran.
22. Selangor lebih ke hadapan daripada negeri-negeri lain dalam penyediaan pendidikan TVET dalam kerjasama bersama Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC).
23. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan RM123.0 juta untuk geran latihan dan perolehan peralatan SHRDC bagi tempoh RMKe-7 hingga RMKe-11 sebagai usaha jangka panjang untuk membina asas tenaga kerja mahir yang kukuh dan memenuhi keperluan industri.
24. Industri aeroangkasa merupakan antara industri yang mempunyai potensi yang tinggi dalam pembangunan negara. Pada tahun 2018, industri aeroangkasa mencatat pendapatan

bernilai RM14.4 bilion dengan nilai eksport berjumlah RM8.48 bilion. Data menunjukkan pertumbuhan mendadak nilai eksport dalam tempoh 5 tahun sebanyak 24.11% setahun.

25. Subang, Sepang dan Serendah adalah sebagai sebahagian daripada ekosistem pembangunan industri aeroangkasa yang kondusif. Menurut anggaran MEA terkini, lebih 60% atau 130 syarikat yang terlibat dalam industri aeroangkasa di Malaysia beroperasi di Selangor.
26. Satu Kumpulan Kerja Teknikal (*Technical Working Group*) akan ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan dan pembangunan industri yang disasarkan untuk menjana pendapatan tahunan sebanyak RM55.2 bilion dan mewujudkan lebih 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi di negara menjelang tahun 2030 bawah Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030.
27. Bagi sektor pertanian, Negeri Selangor merupakan antara pengeluar padi terbesar di Malaysia melalui jelapang padi di Barat Laut Selangor dengan keluasan bertanam 36,708 hektar. Walau bagaimanapun, penglibatan dalam subsektor agro-makanan yang lain adalah sederhana.

28. Sehubungan dengan itu, cadangan *vertical farming* adalah amat sesuai diamalkan oleh pengusaha sayur dan buah kerana hanya memerlukan kawasan yang minima.
29. Beberapa syarikat swasta dan MARDI telah mula melaksanakan penanaman secara *vertical farming* di mana sayuran premium bernilai tinggi ditanam di dalam kontena.
30. Kita juga perlu menerokai penggunaan teknologi bagi memacu sektor pertanian pintar. Ledakan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 telah melahirkan teknologi baru seperti *artificial intelligence*, *robotics*, *drone*, analisis *Big Data* dan *Internet of Things* tentunya dapat mengumpul maklumat tanaman yang lebih lengkap untuk tujuan proses pembajaan dan penuaian yang lebih produktif.
31. Teknologi baharu ini juga boleh diaplikasikan dalam sektor-sektor ekonomi yang lain seperti bioteknologi yang kini diterokai bawah projek Pembangunan Selangor Bio Bay di Pulau Indah. Selain daripada itu, Cyberjaya sebagai nukleus Koridor Raya Multimedia juga berpotensi sebagai pemangkin utama dalam memacu pembangunan inovasi dan teknologi di Malaysia.

32. Pemerkasaan ekonomi Negeri Selangor turut memerlukan jalinan infrastruktur yang lengkap. Lebuhraya Pantai Barat (*West Coast Expressway, WCE*) menyediakan kesalinghubungan di antara Banting, Selangor hingga Taiping, Perak.

YAB Dato' Menteri Besar dan Ketua-Ketua Jabatan,

33. Sebagai sebuah Kerajaan yang peduli rakyat, kita bukan sahaja memberi fokus kepada pembangunan keperluan industri sahaja, malah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu memastikan perkhidmatan awam terus disampaikan kepada rakyat yang bergantung kepada keperluan asas seperti air.
34. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah meluluskan projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor dengan 1,890 JLH dengan kos sebanyak RM3.94 bilion bagi penyelesaian jangka panjang yang efektif bagi memenuhi keperluan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
35. Selangor juga sering mengalami isu kualiti air yang tidak baik dan berpunca daripada faktor pencemaran sungai. Ini memberi impak kepada pengguna dari segi gangguan bekalan

air di mana loji rawatan air utama terpaksa ditutup. Dalam pada itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM171 juta bagi penyeragaman sistem pengolahan efluen, pemantapan keupayaan penguatkuasaan dan pengawasan kualiti alam sekitar dan pemantapan kelestarian alam sekitar.

36. Sekali lagi saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YAB Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri yang telah bekerja kuat dan gigih untuk memastikan Negeri Selangor terus menjadi penyumbang utama KDNK negara.
37. Usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Selangor akan terus didukung oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi di peringkat persekutuan. Perubahan pemerintahan di Putrajaya telah membuka ruang kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan di masa akan datang.
38. Oleh itu, saya yakin Sesi libat urus pada hari ini dapat mengumpul idea-idea baru yang dapat mencipta nilai baharu

kepada ekonomi negara dan menaikkan taraf hidup semua rakyat Selangor.

Sekian, terima kasih.